

23 OCT 1999

Najib-Tindakan

KEMENTERIAN AMBIL TINDAKAN KEPADA GURU SEDIA SOALAN BERMOTIF POLITIK

PEKAN, 23 Okt (Bernama) -- Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan tatatertib terhadap seorang guru sekolah menengah yang didapati menyediakan soalan bermotifkan politik kepada pelajarannya.

Menteri berkenaan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata kesalahan guru itu adalah serius dan boleh disifatkan melanggar disiplin dengan terang dan jelas.

"Saya meminta Ketua Pengarah Pendidikan mengambil tindakan tatatertib yang sewajarnya berdasarkan maklumat yang dimaklumkan kepada kementerian," kata beliau pada sidang media mengenai keputusan Penilaian Tahap Satu di sini.

Najib mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa terdapat guru di Kedah yang menyediakan soalan matematik berunsur politik.

Najib berkata guru itu telah menggantikan soalan yang disediakan oleh jawatankuasa penyediaan soalan matapelajaran dengan soalan yang direkannya sendiri pada ujian bulanan sekolah tiga minggu lepas.

Set soalan itu, menurutnya, diberikan kepada dua buah kelas sahaja dan bukannya seluruh sekolah. Dan guru itu mengajar kelas tahun peperiksaan.

Satu daripada soalan yang dimaksudkan ialah berkenaan peratusan pembahagian sejumlah wang antara tiga orang yang dinamakan Daem, Mirzan dan Zani. Daem boleh membawa maksud Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin dan Mirzan serta Mokhzani ialah anak Dr Mahathir yang terlibat dalam bidang perniagaan.

Najib berkata kementerian telah menjalankan siasatan berdasarkan laporan ibu bapa sekolah berkenaan kepada pejabat Menteri Besar Kedah dan meminta Jabatan Pendidikan negeri membuat siasatan.

Didapati dakwaan itu benar, kata beliau.

Sebelum itu Najib mengumumkan bahawa seramai 7,888 atau 1.6 peratus daripada 479,941 murid tahun tiga layak melangkau ke tahun lima pada sesi persekolahan tahun 2000.

Keputusan itu berdasarkan peperiksaan Penilaian Tahap Satu (PTS) 1999 di seluruh negara pada 13 Sept lepas.

Seramai 82,435 orang atau 17.2 peratus murid tahun tiga dari jumlah keseluruhan 479,941 telah menduduki Ujian Aptitud yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan.

Najib berkata keputusan tahun ini menunjukkan pertambahan seramai 1,941 orang atau 0.3 peratus yang melangkau ke tahun 5 berbanding tahun lepas. Keputusan itu akan dikeluarkan di sekolah-sekolah Isnin depan.

Katanya kementerian tetap menyerahkan kepada ibu bapa untuk mengambil keputusan sama ada membenarkan anak-anak mereka melangkau kelas kerana ia perlu mengambilkira kesediaan dan kemampuan anak-anak dari segi emosi dan psikologi.

"Oleh itu ada kalanya pemilihan untuk tidak melangkau merupakan keputusan yang munasabah," katanya.

Najib juga memaklumkan mengenai prestasi murid-murid yang melangkau buat kali pertama pada PTS 1996 dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun lepas.

Daripada 2,742 murid berkenaan, seramai 1,020 murid atau 37.2 peratus mendapat keputusan A dalam semua kertas yang diambil, 5A di sekolah kebangsaan (SK) dan 7A di sekolah jenis kebangsaan (SJK). Manakala 793 orang atau 28.9 peratus mendapat 4A di SK dan 6A di SJK, 516 orang atau

18.8 peratus mendapat 3A di SK dan 5A di SJK serta bakinya 414 orang atau

15.1 peratus mendapat 2A dan 1A di SK dan 1A hingga 4A di SJK.

-- BERNAMA

SHS RON